

29/12/2003

Gemilang di persada antarabangsa

Misiah Taib

MALAYSIA melakar nama di pentas dunia bukan saja atas kecemerlangan kepemimpinan negara meletakkan Malaysia pada tahap sekarang, malah kejayaannya menganjurkan acara besar, berprestij dan bertaraf antarabangsa.

Tahun 2003 tidak terkecuali mencatat deretan kejayaan negara menganjurkan acara besar dan gilang gemilang sehingga mendapat pengiktirafan banyak negara di dunia.

Lebih membanggakan ialah pada saat Asia Barat terasa bahang ancaman serangan Amerika Syarikat ke atas Iraq, Malaysia berjaya menganjurkan semua acara besar dalam suasana meriah tanpa kekacauan termasuk ketika ketua kerajaan, pemimpin dan perwakilan asing berhimpun di ibu negara.

Kejayaan menganjurkan Sidang Kemuncak Negara-Negara Berkecuali (NAM) ke-13 mulai 20 hingga 25 Februari dan Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10 pada 11 hingga 18 Oktober lalu, diperakui dan mendapat pujian negara peserta.

Tahun ini juga menyaksikan kejayaan negara menganjurkan Multaqa Ulama Sedunia pada 10 hingga 12 Julai; Mesyuarat Forum Parlimen Asia Pasifik (APPF) ke-11 (13 hingga 15 Januari); Persidangan Antarabangsa Pemimpin Muda Islam 2003 (ICMYL 2003) (14 hingga 16 September); Persidangan Maritim dan Logistik Asia Kedua (6 Oktober).

Tentunya kejayaan negara menganjurkan perlumbaan Formula Satu Grand Prix Malaysia Petronas 2003 (21 hingga 23 Mac); Grand Prix Malaysia-Marlboro 2003 (12 Oktober), Merdeka Millenium Endurance (MME) di Litar Sepang (30 Ogos), Le Tour de Langkawi 2003 (LTdl) awal Februari.

Lebih 750 juta penonton dari 60 negara juga berpeluang menyaksikan siaran langsung kejayaan negara menganjurkan Kejuaraan Dunia Formula Satu (F1) Powerboat Grand Prix (GP) Malaysia 2003 di tasik The Mines Resort City pada 5 Oktober.

Berpaksikan semangat 'Malaysia Boleh' yang diterapkan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, Malaysia berjaya menganjurkan semua acara terbabit secara gilang gemilang.

NAM ke-13 disifatkan sebagai paling berjaya dan berjalan lancar tanpa gangguan dengan semua pemimpin dan wakil yang mahu bercakap diberi peluang berucap, sehingga mereka berpuas hati serta memperakui kejayaan Malaysia selaku tuan rumah.

Lebih penting, kejayaan Malaysia mengajak 116 negara anggota NAM menyokong pandangan Kuala Lumpur berhubung peranan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), ke arah memperakui usaha penyuburan semula NAM.

Wakil Setiausaha Agung PBB, Kofi Annan pada Sidang Kemuncak Nam ke-13, Lakhdar Brahimi, berkata NAM mempunyai pembimbing berkebolehan kerana pengerusi barunya, Malaysia mempunyai pemimpin berkaliber serta dihormati Dunia Ketiga.

Kejayaan Malaysia menganjurkan NAM juga mendapat pujian diplomat asing yang turut memperakui keupayaan negara memimpin pergerakan itu untuk tempoh tiga tahun.

Mereka percaya rekod Malaysia membuktikan keupayaan pemodenan, mengurus ekonomi dengan kukuh dan mempunyai laluan baik untuk teknologi tinggi, digabungkan pula dengan kepemimpinan luar biasa, membawa faedah besar kepada NAM.

Sidang Kemuncak NAM ke-13 berakhir dengan 116 negara anggota sebulat suara meluluskan Deklarasi Kuala Lumpur yang antara lain membawa mesej ke arah keamanan dunia.

Sidang kemuncak OIC ke-10 Oktober adalah pertama diadakan di rantau Asia Pasifik, menarik jumlah ketua negara dan kerajaan terbesar sejak penubuhan OIC pada 1969, sekali gus membuktikan keyakinan terhadap Malaysia selaku

tuan rumah.

Sebanyak 33 pemimpin Islam dari 57 negara anggota hadir, manakala negara lain menghantar wakil masing-masing. Ia adalah perhimpunan pertama pemimpin Islam sejak serangan pengganas pada 11 September 2001 terhadap Amerika Syarikat.

Selaku tuan rumah, Malaysia berjaya membawa keluar Sidang Kemuncak OIC daripada hanya dibelenggu isu politik yang berkisar kepada pergolakan di Asia Barat dan negara lain di mana umat Islam ditindas.

Sebaliknya ia turut mencakupi usaha menggarap kecemerlangan umat Islam dalam sains dan teknologi, perniagaan, perdagangan dan keilmuan.

Pada akhir sidang, pemimpin 57 negara anggota OIC sepakat melaksanakan pelan tindakan 12 perkara bagi mengembalikan perpaduan, kesepakatan dan maruah ummah ketika dunia Islam menghadapi cabaran amat hebat. Aspek politik, ekonomi dan sosial terkandung dalam Deklarasi Putrajaya itu.

Serentak Sidang Kemuncak ke-10 OIC, Malaysia menganjurkan acara sampingan termasuk Ekspo OIC 2003, Forum Perniagaan Institut Kepemimpinan Strategik Asia (ASLI) 2003, Seminar Mengenai Sains dan Teknologi serta Persidangan Antarabangsa Pemimpin Muda Islam.

Penganjuran Multaqa Ulama Sedunia adalah kejayaan kita menghimpun 900 ulama dan cendekiawan Islam dari 34 negara termasuk ulama terkemuka Mesir, Dr Mohammad Sayyed Tantawi, juga Syeikhul Al-Azhar, yang menyifatkan Malaysia contoh negara Islam lain kerana mengamalkan ajaran sebenar Islam.

APPF ke-11 dihadiri 180 peserta dari 27 negara Asia Pasifik dan Formula Satu pula lancar dengan kejayaan menarik 101,485 penonton, rekod baru sejak Petronas Grand Prix Malaysia.

Sementara penganjuran Lima 2003 yang menjadi acara tahunan di Langkawi turut mendapat sambutan meriah daripada pelancong asing yang mencurah datang.

Bagi pelumba handalan dunia seperti Michael Schumacher dari Jerman, Kimi Raikkonen, Finland, Rubens Barrichello, Brazil dan Fernando Alonso, Sepanyol, penyertaan dalam Formula Satu di Litar Sepang adalah juga atas keyakinan terhadap keamanan dan kemampuan Malaysia.